

## **Ucapan Tun Dr Mahathir : Wawasan 2020**

### **PENGENALAN**

MATLAMAT menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 adalah merupakan wawasan untuk negara yang dikemukakan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dalam mesyuarat sulung Majlis Perdagangan Malaysia pada 28 Februari, 1991.

Konteks Malaysia sebuah negara maju dari perspektif YAB Perdana Menteri bukan semata-mata diasaskan kepada pendapatan per kapita yang sama dengan negara-negara lain yang ditakrifkan sebagai maju, malah ia lebih kepada mencapai kemajuan sepenuhnya dari segi perpaduan negara dan kesepadan sosial, dari segi peningkatan dalam ekonomi, keadilah sosial, kestabilan politik dan sistem pemerintahan, meningkatkan mutu kehidupan masyarakat melalui nilai-nilai sosial dan kerohanian, mempunyai rasa bangga dan keyakinan terhadap bangsa sendiri.

Wasawan 2020 ini adalah semata-mata bertujuan untuk menjadikan kehidupan rakyat Malaysia lebih bahagia, mempertahankan maruah bangsa dan bagi menghindarkan diri daripada ditindas oleh bangsa-bangs lain.

Dalam usaha mencapai matlamat negara maju, sembilan aspek cabaran turut diberikan penekanan iaitu:

Melahirkan sebuah negara Malaysia yang bersatupadu;

Membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bebas, teguh dan terbentuk jiwanya, yakin akan diri sendiri dan dihormati oleh semua bangsa lain;

Memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan sistem demokrasi Malaysia yang berorientasikan masyarakat dan berasaskan muafakat dan musyawarah;

Mewujudkan sebuah masyarakat yang bertata-etika dan bermoral sepenuhnya;

Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan toleransi;

Mewujudkan sebuah masyarakat yang maju dan saintifik;

Melahirkan sebuah masyarakat yang berhati dan berbudaya penyayang;

Menjamin sebuah masyarakat yang adil dan saksama ekonominya; dan

Melahirkan sebuah masyarakat yang makmur dengan ekonomi yang sesungguhnya berdaya-saing, dinamik, tahan lasak dan mempunyai daya ketahanan.

Selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju, berbagai-bagai rancangan dan program Kerajaan sedang dan akan dilaksanakan. Penubuhan Majlis Perdagangan Malaysia (MPM), pelancaran program-program KampungKu, Pelan Induk Belia Negara dan pembentangan Rangka Rancangan Jangka Panjang Keuda (RRJP 2) melalui Dasar Pembangunan Nasional (DPN) adalah merupakan usaha-usaha Kerajaan ke arah mencapai negara maju pada tahun 2020.

Kejayaan negara dan rakyatnya dalam Wawasan 2020 akan dapat dicapai dengan penglibatan semua peringkat lapisan masyarakat melalui sokongan dan kerjasama sepenuhnya dengan Kerajaan serta sanggup menghadapi segala cabaran dan rintangan bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

#### PENJELASAN MENGENAI WAWASAN 2020 OLEH YAB PERDANA MENTERI DI SEREMBAN PADA 26 MEI 19991.

Assalamualaikum w.b.t. dan selamat petang kepada hadirin sekalian.

TERLEBIH dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap, menjelaskan apa dia yang dipanggil sebagai Wawasan 2020. Sebenarnya ini bukanlah suatu yang dicipta dengan begitu sahaja tetapi kita telah sama-sama menolong menciptakan matlamat 2020 ini.

Sekarang kita sudah 34 tahun merdeka dan kita telah buktikan bahawa dalam jangka masa 34 tahun itu, kita boleh memerintah negara kita ini dengan lebih cekap, dengan lebih baik, dengan lebih berkesan daripada pemerintahan 100 tahun kuasa daripada Barat. Bukan sahaja di negara kita ini tetapi di lain-lain negara. Kita berjaya membangunkan negara kita ini, kita berjaya mententeramkan keadaan di dalam negara kita ini yang mana ini bukanlah satu yang mudah kerana negara kita diduduki bukan sahaja oleh satu bangsa tetapi diduduki oleh berbagai kaum dan kaum-kaum ini bukan mudah untuk diintegrasikan kerana mereka dibahagikan, dipisahkan oleh bahasa, kebudayaan, agama dan macam-macam lagi.

Walaupun masalah ini melanda negara kita, kita berjaya menentukan negara kita ini aman, perhubungan antara kaum baik, walaupun mungkin tidak ada perpaduan yang diidami sekarang ini. Tetapi harmoninya tetap ada dan kita boleh berkumpul seperti kita berkumpul pada petang ini tanpa rasa ragu-ragu bahawa jiran kita yang bukan sebangsa, seagama dengan kita akan membuat sesuatu yang boleh mendatangkan bahaya. Ini adalah satu kejayaan, di samping itu kita dapat lihat bagaimana negara kita telah bangun dengan pesat.

Kalau kita lihat Seremban ini sebelum kita merdeka dan bandingkan dengan

Seremban sekarang ini, kita tentu akui bahawa Seremban sudahpun membangun dengan lebih pesat, dengan kemudahan-kemudahan untuk orang ramai, dengan perniagaan-perniagaan yang lebih laris, dengan kedai-kedai yang lebih cantik, lebih elok, lebih selesa, dengan peluang-peluang kerja yang lebih banyak, dengan industri-industri yang tak dimimpi dahulu terdapat di Seremban ini dan bukan sahaja di Seremban ini tetapi di seluruh negara. Demikianlah pembangunan negara kita sehingga kita dianggap sebagai sebuah negara membangun yang termaju. Hakikatnya ialah Malaysia sudah tumbuh dengan pesat dan pemerintahan Malaysia adalah sesuatu yang dianggap sebagai pemerintahan yang berjaya.

Kita sedar bahawa dalam negara, kita dapat kawal bermacam-macam masalah, masalah kaum, masalah tidak seimbang pembangunan ekonomi, masalah daerah-daerah yang terpencil, masalah pelajaran, macam-macam masalah yang kita hadapi. Tetapi kita dapat mengatasi sekurang-kurangnya supaya masalah itu tidak menjelaskan pembangunan negara kita dan ini adalah satu kejayaan yang luar biasa.

Sebenarnya kita bukan hendak masuk dalam bakul, hendak angkat diri tetapi kalau kita perhatikan negara-negara membangun yang lain, negara-negara yang mencapai kemerdekaan bersama dengan kita ataupun terdahulu ataupun terkemudian sedikit daripada kita, mereka tidak capai kejayaan seperti Malaysia mencapai kejayaan. Kita tidak hendak menjatuhkan sesiapa tetapi ini adalah hakikat bahawa kita telah berjaya dalam banyak masalah. Kita berjaya dalam bidang politik, politik negara kita bukan mudah, banyak kaum dengan kepentingan-kepentingan masing-masing, tidak mudah untuk mereka bekerjasama, perasaan perkauman cukup kuat di antara kaum di dalam negara tetapi dapat dibendung.

#### PELABURAN BERTAMBAH

Dalam bidang ekonomi, jelas sekali Malaysia berjaya mencapai pertumbuhan sehingga 10% pada tahun 1990. Tahun ini sahaja, dalam jangka masa empat bulan pertama sudahpun ada rancangan pelaburan sebanyak \$9,000 juta. Ini menunjukkan bahawa minat pelaburan masih terdapat walaupun dunia dikatakan menghadapi kemerosotan ekonomi, tetapi di Malaysia masih banyak berminat untuk melabur dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

Ini sepatutnya meyakinkan kita bahawa kita mampu membuat sesuatu, kita membuat apa yang dahulu dibuat oleh pihak lain. Kita tidak harus berasa rendah diri lagi, bukan nak tepuk dada, tetapi kita mesti yakin bahawa kita boleh buat seperti apa orang lain boleh buat.

Lihatlah pada sejarah tamadun Islam, tamadun Roman, tamadun Greek dan tamadun Parsi seumpamanya. Pada satu masa dahulu mereka mencapai tamadun yang tinggi, mereka meningkat naik. Tetapi hari ini di manakah tamadun-tamadun ini. Kerana kelemahan yang ada pada mereka, maka

sekarang ini mereka sudah tidak lagi merupakan tamadun yang unggul dan yang utama di dalam dunia ini.

Zaman ini terdapat banyak negara-negara di Timur, termasuklah Jepun dan Korea yang begitu cepat maju dapat menguasai ilmu-ilmu dan kepakaran yang lebih baik daripada Barat sehingga mereka boleh bersaing dengan negara-negara Barat.

Jepun dahulunya juga merupakan negara yang mundur berbanding dengan Barat tetapi mereka telah mempelajari segala ilmu daripada Barat dan menguasai semua itu dan memperbaiki lagi ilmu ini sehingga mereka dapat mendirikan satu negara yang hari ini mengancam Amerika Syarikat, negara terbesar dan terkaya di dunia.

Sebenarnya selepas Perang Dunia Kedua ini, Malaysia dan orang-orang Malaya pada ketika itu lebih kaya daripada orang-orang Jepun tetapi serkarang orang-orang Jepun jauh lebih kaya. Bukan sahaja kaya daripada segi duit ringgit tetapi kaya daripada segi akal fikiran, kebolehan membuat sesuatu yang tidak boleh dibuat oleh pihak Barat. Hari ini industri motokar dikuasai sepenuhnya oleh Jepun sehingga kereta-kereta yang dikatakan dibuat di Amerika pun dibuat oleh Jepun.

Kalau orang Jepun boleh menguasai teknologi moden, apakah kita tidak boleh? Apa kurangnya kita daripada orang Jepun. Jadi apa sebabnya mereka boleh berjaya. Sebabnya ialah kerana tumpuan dan nilai-nilai ini amat secocok dengan nilai-nilai Islam walaupun mereka tidak Islam. Mereka mempunyai pandangan yang jauh ke hadapan, mereka ingin tentukan bahawa mereka bukan sahaja berjaya hari ini tetapi berjaya pada esok, lusa dan meningkatkan kejayaan lagi.

## KEUNTUNGAN DILABUR

Di negara Jepun kilang-kilang kereta lebih utamakan pengeluaran kereta yang bermutu tinggi setiap tahun. Untuk ini mereka tidak ambil semua keuntungan, mereka melaburkan sebahagian besar daripada keuntungan mereka untuk teknologi yang lebih baik, untuk kilang, untuk jentera yang lebih baik supaya mereka dapat keluarkan kereta yang lebih baik. Mereka tidak bayar dividen yang terlalu tinggi dan pengurus-pengurus di Jepun tidak mengambil keuntungan berjuta-juta ringgit seperti yang berlaku di Amerika. Mereka begitu sekali setia kepada syarikat mereka. Bukan seperti di Amerika pekerja dan pengurus tidak setia kepada syarikat. Kalau ada orang lain menawarkan gaji lebih ia lompat ke syarikat lain. Orang Jepun bukan utamakan keuntungan yang cepat, maka hari ini mereka boleh bertanding di Amerika Syarikat dan bertanding dengan Eropah.

## KECEKAPAN BOLEH DIKUASAI

Ini menunjukkan bahawa kalau kita mempunyai sikap dan pendirian yang

baik kita juga boleh mencapai kejayaan. Demikian juga dengan membuat sesuatu kerja kadang-kadang kita berpendapat kita tidak boleh buat benda ini. Ini bukan kerana kita tidak boleh buat, tetapi kalau kita tumpukan kepada satu-satu kerja dan ulang, kita ulang lagi sehingga kita boleh, Insya-Allah kita boleh mengusai sebarang kecekapan. Tidak ada satu kecekapan yang kita tidak boleh kuasai. Bukanlah semua orang tetapi ada orang-orang tertentu di antara kita yang boleh menguasai semua ilmu yang ada. Ini adalah hakikat yang sebenarnya, kalau kita percaya bahawa kia boleh buat dan kita tumpukan kepada kerja itu, kita akan menguasai kecekapan itu.

## KERETA NASIONAL

Kita boleh lihat apa yang kita buat di waktu ini, di dalam negara kita pada satu ketika. Kita tidak boleh mimpikan untuk mengeluarkan kereta sendiri. Bila kita rancang untuk mengadakan Kereta Nasional, ramai orang yang ketawa termasuk orang asing. Wah! Malaysia hendak buat kereta sendiri. Negara Eropah seperti England dan Perancis begitu juga Amerika sudah merosot, inikan pula negara baru developing country' hendak buat kereta sendiri. Tetapi hari ini kita boleh buat kereta yang berkualiti yang boleh dijual di mana saja, boleh bersaing dengan kereta-kereta lain. Sebabnya ialah kita sanggup tumpukan kepada kerja ini dan kita menguasai kualiti yang diperlukan, cara bekerja yang diperlukan dan kita boleh mencapai keuntungan daripadanya.

## KESTABILAN POLITIK

Paling peting dan utama, kalau kita hendak capai apa yang dikatakan Wawasan 2020, negara kita mesti stabil.

Ini bermakna bahawa kita mesti tahu membawa diri dan faham kaedah-kaedah demokrasi dan berpolitik secara demokrasi. Demokrasi bermakna kita boleh pilih pemimpin. Kita tentukan pemimpin kerana kalau kita tidak boleh pilih pemimpin, pemimpin akan jadi angkuh. Kalau kita tidak boleh tukar pemimpin sama sekali seperti sistem diktator maka pada ketika itu pemimpin tidak lagi akan mengadakan sikap 'caring' penyayang seperti dikehendaki.

Sebab itu kita harus bersyukur, di Malaysia rakyat faham tentang demokrasi, mereka faham bahawa demokrasi memberi kepada mereka peluang untuk menentukan siapakah yang akan memimpin mereka dan peluang itu diberi lima tahun sekali sekurang-kurangnya. Kita jangan dengar interpretasi demokrasi yang dibuat oleh bangsa-bangsa barat.

Demokrasi ialah demokrasi yang kita tentukan bukan orang lain tentukan bagi kita. Dalam negara kita, kita akui kita ada sekatan-sekatan tertentu. Ada perkara yang tidak boleh dibuat dan tidak dibenarkan kerana kita berpendapat bahawa masyarakat mempunyai hak untuk menentukan keadaan dalam masyarakat bukan membiarkan kepada sebarang orang membuat apa sahaja.

Demokrasi adalah baik kalau kita tahu apa dianya demokrasi dan tahu macam mana menggunakan demokrasi. Tetapi demokrasi akan menjadi tidak baik kalau kita tahu menggunakan demokrasi. Demokrasi bukan bermakna kita tiap-tiap hari turun ke jalan-jalan berdemonstrasi, bakar kereta, bakar rumah seperti di setengah-setengah negara asing. Dalam negara kita, kita diberi kebebasan bekerja untuk mengadakan persatuan tetapi bukan untuk merusuh, bukan untuk merosakkan ekonomi negara.

## DISIPLIN PEKERJA

Kalau tidak ada kesatuan sekerja, majikan akan menindas pekerja sebab itu kita perlukan kesatuan sekerja tetapi bukan untuk mengadakan mogok tiap-tiap hari sehingga tidak ada barang yang dikeluarkan. Sehingga keluaran barang-barang tidak terjamin kualiti dan harganya mahal berbanding dengan negara-negara lain. Kita hendak pekerja kita berdisiplin, bekerja kuat, beramanah dan bertanggungjawab. Jelas sekali bahawa demokrasi adalah salah satu sistem yang boleh menolong kita membangunkan negara kita. Tetapi kalau kita salah menggunakan demokrasi kita akan musnah dan kita tidak mungkin menjadi sebuah negara maju.

## NILAI-NILAI YANG BAIK

Untuk mencapai kejayaan, yang penting ialah nilai-nilai yang baik, sifat-sifat yang baik yang ada pada kita. Kita hendak cari kejayaan tetapi mestilah dengan cara yang tertib, cara yang tersusun dan cara yang diizinkan. Bukan dengan cara hendak samun, hendak curi, hendak rampas, hendak jadi cepat kaya dengan menipu orang. Kalau kita huat cara semacam itu maka kita tidak mungkin mencapai kemajuan.

Kita mesti beramanah, kalau kita janji hendak buat sesuatu kita mesti buat. Kalau kita ada perjanjian dengan syarikat daripada luar negeri jangan kita tipu. Kalau kita tidak boleh, kata baik-baik kita tidak boleh. Insya-allah kalau kita buat benda yang baik, benda yang betul, kita pegang kepada janji kita, kita akan hidup bahagia. Jadi, nilai-nilai seperti memegang kepada tanggungjawab, beramanah, disiplin, rajin bekerja dan macam-macam lagi nilai-nilai yang baik kalau diamalkan, kita kan berjaya dan kita boleh berlumba dan kejar bangsa-bangsa lain yang sudah maju yang sekarang ini sdang merosot.

Bagi orang-orang Islam mungkin ada yang berkata akhirat lebih penting daripada dunia, tak maju di dunia tak apa, kita akan dapat balasan yang baik di akhirat. Jangan kita terlalu angkuh dan fikir bahawa kita akan dapat balasan yang baik di akhirat. Kita tidak dapat hendak tentukan samada kita akan dapat balasan yang baik kerana apa yang dibuat di dunia ini adalah ibadat juga samada kita sembahyang ataupun kita buat kerja dengan ikhlas dengan jujur itupun ibadat juga. Kalau kita buat kerja yang membawa kebaikan kepada orang lain itu adalah satu ibadat. Kalau kita menolong

membangunkan negara kita supaya mengurangkan kemiskinan itu juga satu ibadat.

Kalau kita menjadi begitu miskin, pegangan kita kepada agama akan menjadi lemah. Amat penting sekali kita orang-orang Islam terutamanya memikirkan tentang betapa pentingnya kita mencapai kemajuan. Kalau kita tidak majukan diri kita, maka kita akan ditindas oleh orang lain. Ini adalah hakikat dalam dunia ini yang kita tidak dapat tolak.

Hari inipun ada percubaan untuk menindas kita, kuasa-kuasa besar memberi kata dua kepada kita jangan buat itu dan jangan buat ini. Seolah-olah kita menjadi negara maju kita boleh memberi banayak manfaat kepada rakyat dan kita tidak akan ditindas oleh pihak lain.

#### KERJASAMA SEMUA PIHAK

Tidak akan ada sesiapa yang cuba mengugut kita, menindas kita kalau kita menjadi negara yang maju. Sebab itu menjadi negara yang maju amat penting bagi Malaysia. Kita boleh mencapai matlamat ini dalam 30 tahun, Insya-Allah, tetapi untuk mencapainya bukan dengan harapan Kerajaan buat ini, Kerajaan buat itu. Kerajaan sahaja tidak boleh membawa kemajuan ke tahap itu. Kita perlu kepada kerjasama semua pihak, kita perlu kerjasama daripada swasta, peniaga-peniaga, pengusaha, petani dan orang ramai. Semuanya mesti sanggup bekerja dan bekerja kuat. Kalau kita tidak bekerja kuat kita tidak berhak sebenarnya menuntut apa-apa bagi diri kita.

#### BANGSA YANG DIHORMATI

Sebaliknya, kalau kita bekerja kuat dengan cara tersusun berdisiplin, kita akan capai kemajuan yang dibayangkan dalam Wawasan 2020. Kita mestilah disiplinkan diri kita, sediakan diri kita untuk bekerja ke arah ini. Ketepikan perkara-perkara lain, jangan timbul perkara temeh-temeh yang tidak akan menentukan nasib kita buat masa depan. Kita mesit fikir dengan lebih jauh, tidak untuk hari ini sahaja, tidak untuk esok ataupun setahun lagi. Kita mesti fikir untuk 30 tahun lagi, untuk anak cucu kita, untuk generasi yang akan datang supaya mereka tidak akan dihina seperti kita dihina oleh orang. Kita tidak mahu dihina oleh sesiapa. Kita hendak jadi satu bangsa yang boleh berdiri tegak dan dihormati oleh seluruh dunia.

#### MEMIKIRKAN MASA DEPAN

Inilah yang dikatakan Wawasan 2020. Wawasan ini adalah untuk semua, bukan untuk Kerajaan, bukan untuk saya bahkan saya tidak lagi menjadi Perdana Menteri pada tahun 2020. Kita mesti bekerja untuk yang tidak dapat kita capai atau lihat sekalipun. Amatlah tamak bagi seseorang itu kalau dia bekerja hanya untuk dirinya sahaja. Kalau dia hidup maka dia bekerja.

Kalau nikmat itu datang selepas dia pergi dia tidak harus berusaha. Kita

mesit terus berusaha, walaupun kita tidak akan merasa nikmat ini kerana kita mesti berusaha untuk anak cucu kita, untuk kaum bangsa kita dan masa hadapan. Ini adalah Wawasan 2020 dan kita semua akan mendapat banyak nikmat daripada pencapaian tahap negara maju yang kita rancangkan untuk tahun 2020.

Ahli politik perlu bekerjasama dengan pegawai Kerajaan ke arah Wawasan 2020. Ahli-ahli politik juga harus bekerjasama dengan pihak swasta untuk mencapai Wawasan 2020. Pegawai-pegawai Kerajaan juga harus bekerjasama dengan swasta dan orang-orang politik untuk mencapai Wawasan 2020. Pekerja-pekerja tidak harus lagi menganggap mereka adalah musuh kepada majikan mereka. Pekerja dan majikan dan Kerajaan mesti bekerjasama untuk mencapai sesuatu yang akan memberi banyak nikmat kepada pekerja-pekerjanya.

Inilah harapan kita dan saya berharap kita sama-sama berusaha ke arah ini. Saya juga berharap penerangan ini dapat menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan Wawasan 2020 dan saya harap kita semua dapat bekerjasama ke arah matlamat tersebut.